



Rujukan: AKKM : (S) 2/3/7 SJ 5 Jld 5 (86)
Tarikh : 02 Mei 2020

Semua Warga Kerja ANGKASA

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

السَّلَامَةُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

PEKELILING BIL 9/2020

PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT OLEH ANGKASA

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2020 adalah dirujuk.

2. Bagi memastikan kesihatan serta keselamatan semua warga dan pelanggan ANGKASA terus terjamin selepas pelonggaran PKP, kesediaan SOP, premis, peralatan dan tenaga kerja peraksanaan perlu diperkemas supaya lengkap dan menyeluruh. Setelah meneliti dengan mendalam dan mengambil kira keberkesanan kaedah Kerja Dari Rumah (WFH) serta kebimbangan risiko wabak yang masih lagi belum terhapus, Pengurusan ANGKASA atas nasihat Pasukan Pengurusan Krisis ANGKASA (ACT) dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Presiden pada Sabtu, 2 Mei 2020 telah mengambil keputusan meneruskan tempoh **penutupan SEMUA pejabat ANGKASA di seluruh negara dan melaksanakan WFH sehingga Selasa, 12 Mei 2020.**

3. Sebarang perubahan kepada ketetapan ini akan diumumkan dari semasa ke semasa atau apabila pengumuman lanjut berkaitan PKPB di buat oleh Kerajaan. Sementara itu, sebarang pertanyaan atau kemusyiklan berkaitan perkara ini bolehlah dirujuk kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA.

4. Pelaksanaan WFH masih merujuk kepada **Pekeliling Bil 6/2020** bertarikh **18 Mac 2020.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang menjalankan tugas,

HAJI NASIR KHAN YAHAYA
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

s.k : Presiden ANGKASA

HARAR/SZAB/Nmy/Pekeliling

